

Senarai Tindakan

Tarikh Aduan	No. Aduan	Aduan	Tindakan
10-01-2017	1701-6706	ADUAN BUNYI BISING DARI TAPAK BINAAN MCC OVERSEA SDN BHD	<p>- Pentadbiran ini telah beberapa kali menghubungi pengadu melalui no telefon yang diberikan untuk mengenalpasti lokasi yang dimaksudkan, walau bagaimanapun panggilan telefon tidak dijawab. Sehubungan dengan itu, melalui maklumat aduan yang dibuat, diyakini gangguan bunyi bising adalah di Daerah Timur Laut.</p> <p>- Rujukan Aduan MPSP: 17010278</p>
10-11-2016	1611-7705	Semak dan Lalang - Taman Bukit Juru Berpagar	<p>- Taman Bukit Juru adalah terletak di dalam Daerah Seberang Perai Tengah</p>
03-11-2016	1611-3852	flies issues at Bandar Tasek Mutiara (Simpang Ampat)	<p>- Terima kasih atas keprihatinan Tuan berhubung masalah berkaitan. Adalah dimaklumkan lesen bagi penternakan khinzir dan ayam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) adalah bertanggungjawab memastikan status tanah yang diusahakan oleh penternak-penternak adalah tidak bercanggah dengan syarat nyata kegunaan tanah terlibat. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat nyata tanah, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pengusaha-pengusaha haram di Daerah ini. Kaedah pemantauan di tapak sering diadakan bagi mengawal pelanggaran syarat nyata tanah tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan membentangkan Enakmen Penternakan Babi 2016 dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang akan berlangsung pada 15-25/11/2016 ini. Dengan penggubalan enakmen ini, penternakan babi diwajibkan menjalankan ternakan secara moden melalui kandang tertutup bagi mengawal pencemaran bau dan juga masalah lalat. Enakmen ini juga memberi kuasa kepada Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang untuk terus mengambil tindakan penguatkuasaan dan kawalan pelesenan babi. Kerajaan Negeri juga sedang mengambil tindakan susulan bagi menggubal Enakmen Ternakan Ayam. Pemantauan secara kolektif daripada MPSP, Jabatan Veterinar dan PDTSPS diharap akan dapat mengurangkan masalah bau busuk dan lalat di daerah ini.</p> <p>- Rujukan Aduan MPSP: 16110130</p>
17-11-2016	1611-3486	Flies at Taman Bukit Juru Gated community	<p>- Adalah dimaklumkan bahawa Taman Bukit Juru adalah terletak di dalam Daerah Seberang Perai Tengah. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan adalah dimohon agar aduan ini disalurkan kepada agensi berkaitan di daerah berkenaan.</p> <p>- Perlu dipanjangkan ke MPSP dan JAS</p> <p>- Rujukan Aduan MPSP: 16110574 Untuk maklumat siasatan aduan telah dijalankan pada 22.11.2016 jam 6.05 petang dan aduan adalah benar kerana terdapat pembiakan lalat di kawasan berkenaan. Pihak Unit Vektor telah menjalankan kerja-kerja meracun lalat pada 22.11.2016 di persekitaran taman dan tong sampah yang menjadi punca hurung lalat sebagai langkah kawalan.</p>
28-10-2016	1610-9067	respond aduan	<p>- Pihak pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas respon yang diberikan dan sekali lagi memohon maaf di atas kejadian yang telah berlaku. Sebagai makluman, semua surat/baucar pembayaran Program Emas termasuk surat/baucar program anak emas ini disediakan oleh pihak</p>

			<p>Kerajaan Negeri dan diarahkan untuk digunapakai oleh kelima-lima Pejabat Daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas cadangan penambahbaikan surat/baucar ini dan akan memanjangkan cadangan ini ke pihak Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan sewajarnya.</p>
24-10-2016	1610-3194	ADUAN MENGENAI LAYANAN DARI PEJABAT PENGHULU	<p>- Pihak Pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas teguran yang dikemukakan dan memohon maaf di atas kejadian yang telah berlaku. Apa yang cuba diterangkan oleh Penghulu Ilyas pada waktu tersebut adalah prosedur standard yang diarahkan untuk digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi tuntutan pembayaran program anak emas ini. Namun, Pentadbiran ini tidak menolak kemungkinan berlakunya salah faham dari segi kelancaran sistem penyampaian pada waktu tersebut. - Pengadu sebenarnya telah diberi penerangan dan penjelasan yang sewajarnya oleh Pembantu Tadbir di kaunter pembayaran namun beliau tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan tersebut dan meminta untuk dirujuk kepada pegawai yang menguruskan proses pembayaran anak emas berkenaan iaitu Penghulu Ilyas. - Secara kebetulan pada masa yang sama, Penghulu Ilyas perlu menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah SPS di mana beliau merupakan urus setia mesyuarat menyebabkan penjelasan yang diberikan oleh Penghulu Ilyas kepada pengadu adalah ringkas dan padat yang mungkin telah disalah anggap oleh pengadu sebagai jawapan acuh tak acuh. Selain daripada itu, Penghulu Ilyas telah turut memberikan beberapa cadangan dan kaedah untuk menyelesaikan permasalahan ini namun pengadu seolah tidak dapat menerimanya. - Perlu ditekankan juga bahawa pengadu hanya mengemukakan surat/baucar Program Penghargaan Anak Emas kepada Pentadbiran ini tetapi telah gagal untuk turut mengemukakan antara dokumen terpenting iaitu Surat Pelepasan Tanggungjawab (Letter Of Indemnity) serta salinan Kad Pengenalan (suami dan beliau) sebagai wakil bagi menuntut wang tunai anak emas tersebut menyebabkan pembayaran kepada beliau tidak dapat dilakukan. Pengadu mendakwa tidak dimaklumkan berkenaan perkara ini namun Penghulu Ilyas telah maklumkan kepada beliau bahawa arahan ini telah jelas dinyatakan di para 4 dalam surat/baucar Program Penghargaan Anak Emas berkenaan. Pentadbiran ini juga faham berkenaan kesukaran pengadu yang telah datang dari jauh iaitu difahamkan dari Kepala Batas namun pematuhan kepada peraturan turut perlu dititik beratkan kerana ianya melibatkan pengurusan wang tunai Kerajaan Negeri. - Walau bagaimanapun, perkara ini telah dibincangkan kembali dengan Penghulu Ilyas dan akan diberi perhatian yang serius serta penambahbaikan yang sewajarnya akan diambil bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam adalah sentiasa di tahap yang terbaik amnya dan aspek kebajikan rakyat Pulau Pinang serta pematuhan kepada garis panduan pembayaran tidak terjejas khususnya.</p>
21-09-2016	1609-3600	BANTUAN i-SEJAHTERA	<p>- Berdasarkan semakan rekod dalam Sistem I-Sejahtera didapati bahawa ibu puan iaitu Zauyah Binti Ismail (No. K/P:550301-07-5648) telah berdaftar dalam Program Ibu Tunggal. Walaubagaimanapun usia ibu puan telah mencapai 60 tahun pada tahun 2015. Justeru itu, pembayaran ke atas ibu puan secara automatik telah ditangguh oleh Sistem I-Sejahtera sehingga nama ibu puan</p>

			<p>dipindah masuk ke Program Warga Emas. Dijangkakan proses ini akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat dan bayaran kepada ibu puan akan dibuat pada sesi Bayaran Fasa Ketiga (3) Warga Emas tahun 2016 yang dijadualkan pada Bulan November 2016.</p> <p>- Salam Sejahtera, Pentadbiran ini mengambil maklum mengenai aduan/pertanyaan yang dimohon dan mengagihkan kepada pegawai berkenaan. Maklum balas tersebut akan dikemukakan dalam masa yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.</p>
24-08-2016	1608-882	Masalah Pencemaran Di Kebun Kuyung, Nibong Tebal Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) Pulau Pinang	<p>- Sedang disiasat PDTSPS untuk tindakan di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965. Walau bagaimanapun isu pencemaran adalah diluar bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah. Disyorkan agar perkara ini dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan MPSP.</p>
21-02-2016	1602-7344	Pokok besar yang merbahaya	<p>- Penghulu kawasan telah menghubungi pengadu untuk membuat pemeriksaan bersama, tetapi nombor telefon tidak dapat dihubungi. Walaubagaimanapun, Pentadbiran cuba meninjau keseluruhan kawasan di FASA 2 ini sebelum tindakan selanjutnya diambil.</p> <p>- Rujukan aduan MPSP: 16020548 Dimaklumkan bahawa pembersihan saluran longkang yang tersumbat telah siap dijalankan pada 24/02/2016.</p>
24-02-2016	1602-2846	Mengenai Caj Penyelenggaraan	<p>- Perkara ini akan dipanjangkan kepada MPSP dan pemilik bangunan iaitu Asas Dunia supaya tindakan pembersihan dan penguncian dapat dibuat. Dalam masa sama, PDTSPS akan meminta JKKK untuk berbincang bersama penduduk agar dapat menubuhkan jawatankuasa pengurusan bersama untuk sama-sama menjaga kebersihan flat.</p> <p>- Rujukan aduan MPSP: 16020668. Untuk makluman siasatan aduan telah dijalankan pada 29/02/2016 dan aduan adalah berasas. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pihak Asas Dunia supaya mengambil tindakan segera membersihkan bangunan flat berkenaan.</p> <p>- Salam Sejahtera. Dimaklumkan bahawa unit tersebut bukan di bawah seliaan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tuan boleh menghubungi secara terus pihak Asas Dunia Bhd. kerana unit ini adalah dibawah seliaan pihak mereka. Sekian, terima kasih.</p>
24-02-2016	1602-1032	Tiada Lampu isyarat atau jejantas	<p>- Perbincangan bersama wakil JKR telah dibuat dimana, jejantas dihadapan Sekolah Kebangsaan akan mula dibuka kepada pengguna pada April 2016 dan dilengkapi dengan bumbung dan berlampu. Diharapkan fasiliti ini digunakam sepenuhnya dan murid tidak mengambil jalan pintas dengan melintas jalan sebaliknya menggunakan jejantas. Berkaitan pekerja Bangladesh yang menjaga pembinaan jalan tersebut merupakan pekerja kontrak pembinaan dan pihak JKR akan memantau perkara tersebut bersama kontraktor pembinaan.</p>
27-01-2016	1601-857	cara alternatif utk offline	<p>- Unit Hasil telah memaklumkan kepada pihak IT dan sistem kembali berfungsi selepas itu. Walaubagaimanapun, pada sebelah petang bermula jam 3.00 petang sistem kembali tergendala dan kembali berfungsi jam 4.20 petang. Semasa tempoh sistem tergendala, petugas telah memohon kepada pelanggan untuk melaksanakan melalui portal e-Tanah atau e-Bayaran kerajaan negeri bagi mengelakkan pelanggan menunggu lama di kaunter. Untuk makluman juga, pembayaran melalui e-Tanah dan e-Bayar boleh dibuat tanpa mengguna ID dan kata laluan sekiranya pihak pelanggan mempunyai masalah dengan kata</p>

			<p>lalu. Pengguna boleh terus membuat bayaran dengan memilih menu Pembayaran Online Pengguna Tidak Berdaftar. Selain itu, Pentadbiran juga menyarankan agar sekiranya pengadu bekerja di luar daerah Seberang Perai Selatan, dan keadaan menyukarkan untuk hadir ke Pejabat ini, pengadu boleh membuat pembayaran di mana-mana Pejabat daerah dan tanah yang berhampiran dengan tempat kerja pengadu. Sekian, terima kasih.</p>
17-01-2016	1601-3118	Hutan di tengah-tengah kawasan kediaman Tmn Berseri/Tmn Penting, NT.	<p>- Semakan dengan Bahagian Pembangunan, PDTSPS mendapati bahawa kawasan yang dimaksudkan bukan di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah. Mohon panjangkan aduan ke MPSP. Sekian, terima kasih.</p> <p>- Rujukan aduan MPSP: 16010520. Untuk makluman siasatan aduan telah dijalankan pada 23.01.2016 dan aduan adalah berasas. Pihak jabatan sedang diperingkat membuat semakan alamat pemilik bagi mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah.</p>
11-12-2015	1512-9653	Surat Bayaran IBU EMAS	<p>- Melalui semakan Pentadbiran ini, bayaran ibu emas telah dibuat kepada pihak puan pada Jun 2015. Untuk bayaran tahun 2016, surat rasmi akan dikeluarkan pada tahun hadapan setelah tarikh bayaran bantuan untuk tahun hadapan diketahui. Sebarang pertanyaan berhubung bantuan ini, pihak puan boleh berhubung dengan Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Sekian, terima kasih.</p> <p>- Admin ePintas telah dihubungi bagi mengalihkan pertanyaan ini kepada PDTSPS. PDTSPS tidak boleh memberikan maklum balas lanjut memandangkan di bawah tindakan PDTSPS.</p>
05-12-2015	1512-4637	Pertanyaan Mengenai Insentif Suri Rumah	<p>- Dimaklumkan bahawa permohonan untuk insentif suri rumah sepenuh masa boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di Pejabat YB (Kadun Kawasan).</p>
08-12-2015	1512-3466	IBU EMAS	<p>- Terima kasih atas aduan Encik Ahmad Syukry. Menurut Semakan Daftar Pemilih SPR (dilampirkan) Puan Norriyah bt Samat telah didaftar dan mengundi di kawasan Dun Air Hitam dan Parlimen Bukit Gelugor. Pengagihan bayaran kepada Ibu Emas adalah mengikut kawasan mengundi dan beliau perlu mendapatkan bayaran di Komtar. Encik Ahmad Syukry tidak boleh mewakili Puan Norriyah untuk mengambil bayaran Ibu Emas kecuali dimana ibu emas tersebut telah bersalin dan masih dibawah pantang / sarat mengandung atau sakit terlantar dirumah / hospital (perlu mendapatkan laporan / surat daripada doktor yang merawatnya)</p>
16-11-2015	1511-8179	IBU EMAS	<p>- Telah menghubungi Bahagian Pembangunan, PDTSPS untuk tindakan mengemaskini alamat. Pemohon boleh menyemaknya dalam sistem i-sejahtera.</p>
27-07-2015	1507-4335	ADUAN TERHADAP PENGHULU ELYAS DARI PEJABAT DAERAH SPS DI ATAS KEGAGALAN BELIAU MENJALANKAN TUGAS	<p>- Sehubungan dengan itu, rujukan telah dilakukan melalui pihak ICU bagi tujuan pengesahan kawasan JKPPK Perkampungan Sungai Kechil ini tetapi dimaklumkan ianya mengambil sedikit masa. Sehubungan itu PDTSPS telah mengeluarkan Notis Pentadbiran kepada penjaga dewan Perkampungan Sungai Kechil iaitu Encik Lim Hun Sun terlebih dahulu untuk mengosongkan serta menyerahkan kunci dewan Perkampungan Sungai Kechil tersebut dalam tempoh 14 hari. Sekiranya maklumat yang muktamad diterima daripada pihak ICU berkenaan JKPPK Perkampungan Sungai Kechil tersebut, barulah Notis 425 di</p>

			bawah Kanun Tanan Negara akan dikeluarkan kepada JKKKP berkenaan.
01-07-2015	1507-1428	ADUAN TERHADAP PENGHULU ELIAS DARI PEJABAT DAERAH SPS DI ATAS KEGAGALAN BELIAU MENJALANKAN TUGAS	- Perkampungan Sg Kechil adalah sebahagian dari JKKK Sg Kechil yang telah mempunyai 1 Dewan Serbaguna bagi aktiviti mereka. Bagaimanapun 1 dewan di dalam Perkampungan Sg Kechil diuruskan oleh JKKKP Perkampungan Sg Kecil yang baru diwujudkan. Melalui siasatan PDTSPS kunci dewan berkenaan dipegang oleh individu bernama Lim Hin Sun dimana didalam sesi perbincangan telefon pada 15 Mei 2015 enggan menyerahkannya. PDT SPS dalam proses perundingan/pentadbiran supaya kunci dapat diserahkan dan seterusnya menyerahkan dewan berkenaan kepada JKKK Sg Kechil. Penghulu Ilyas juga diminta menjelaskan kepada JKKK isu penyerahan dewan ini yang akan mengambil sedikit masa . Perkara ini juga dalam pengetahuan Pusat Khidmat YB ADUN Sg Bakap.
24-06-2015	1506-4045	MASALAH BENGKEL BOT FIBER GLASS HARAM DI KAMPUNG KUALA SUNGAI ACHEH, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	- PDTSPS telah mengeluarkan Notis Untuk Merobohkan Struktur Binaan dibawah Syeksyen 425 (1)(a)dan (b)Kanun Tanah Negara kepada Low Chee Keong yang mengusahakan bengkel bot fibre diatas lot 341 Mukim 10, Daerah Seberang Perai Selatan bertarikh 8 April 2015. Susulan itu pada 27 APRil satu inquiry juga diadakan terhadap encik Low Chee Keong dan Encik Tan lim Liang dihadapan Penolong Pentadbir Tanah Encik Razak Kassim, keterangan telah diambil dan perintah untuk mengosongkan tapak dalam tempoh 1 minggu diberikan. Encik Low Chee Keong juga mengemukakan rayuan penangguhan untuk meroboh struktur berkenaan bertarikh 13 April supaya diberi tempoh 3 bulan untuk menyelesaikan baki tempahan bot fibre. Mengambil kira pelbagai factor, PDTSPS telah mengemukakan Kertas Jawatankuasa Tanah Negeri untuk tindakan perobohan struktur berkenaan pada 15 Mei dengan mengambil kira tarikh akhir 30 Jun 2015 untuk Encik Low Chee Keong menyiapkan tempahan.
07-04-2015	1504-1728	MASALAH BENGKEL BOT FIBER GLASS HARAM DI KAMPUNG KUALA SUNGAI ACHEH NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	- Berikutan aduan dari pihak CAP dan MPSP berkenaan masalah penambahan tanah di Kuala Sungai Acheh, pemantauan telah dibuat dan telah mengenal pasti status lot dan lokasi yang dimaksudkan. Plot ini adalah plot dimana diluluskan oleh PBN hanya untuk rumah kediaman dan bayaran LPS tahun 2014 telah dibayar sebanyak RM 75.00 setahun. Kelulusan diberi kepada penama NGAN AH NOI. Penguatkuasaan dibuat pada 2.2.2015 mendapati tapak ini bukan sahaja terdapat rumah kediaman malah turut dijadikan tempat membuat bot dimana terdapat beberapa bahan untuk membuat bot yang mencemarkan udara. Aduan dari penduduk disekitar kawasan tersebut, bau gam yang digunakan untuk membuat bot terlalu kuat dan tidak menyenangkan penduduk dikawasan tersebut. Terdapat hampir 10 buah rumah sekitar kawasan ini. Hasil siasatan mendapati tapak ini berkeluasan 356.84 meter persegi dan pengusaha ini telah menggunakan lebih daripada kelulusan yang diberi untuk plot 341 ini. Individu yang menggunakan tapak ini untuk membuat bot adalah anak kepada Ngan Ah Noi iaitu Law Chew Keong. Terdapat pelanggaran syarat diatas tapak ini iaitu kelulusan rumah kediaman dijadikan tempat untuk membuat bot. Disyorkan agar tindakan dibawah Sek 425 KTN dilakukan diatas binaan ini dan dibatalkan LPS tersebut kerana telah melanggar syarat kelulusan. Buat masa kini, pihak Pentadbir tanah telah mengambil tindakan mengunci tempat tersebut sehinggalah siasatan dan keputusan dari

			<p>pihak Pentadbir tanah diterima. Pemantauan akan dilakukan secara harian bagi memastikan tidak ada lagi kerja-kerja dilakukan diatas plot ini. Semua kerja-kerja dihentikan serta merta. Aduan CAP berkenaan tambakan ini merujuk kepada surat CAP dan MPSP, tambakan ini dilakukan oleh anak beliau kerana kawasan rumah tersebut selalu dinaiki air ketika air laut pasang, oleh yang demikian beliau menambun tanah sekitar kawasan rumah tersebut supaya tidak banjir.</p>
09-03-2015	1503-1706	MASALAH PENAMBAKAN DI KUALA SUNGAI ACHEH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS) PULAU PINANG	<p>- JPS SPS telahpun menjawab aduan daripada Persatuan pengguna rujukan surat CAP/RS/PP/SPS/SG.ACHEH/14/ZY melalui surat Bil. (52)dlm.JPS.SPS.BKP-100/2/3/1 bertarikh 6 Februari 2015</p> <p>- Dimaklumkan bahawa Penolong Jurutera Kawasan Sungai Acheh telah membuat siasatan dan mendapati bahawa kerja penambakan yang dijalankan adalah diatas Tanah Persendirian dan bukan kawasan Rizab JPS. Walaubagaimanapun Jabatan ini akan terus memantau kawasan tersebut dari masa kesemasa. Sekian, terima kasih (JPS Daerah Seberang Perai Selatan) Aduan diterima melalui e-pintas pada 21 mac 2015.</p> <p>- Untuk tindakan dan perhatian segera.</p> <p>- Merujuk kepada Surat Tuan bertarikh 20 Januari dan 2 Mac 2015. Perkara tersebut telah disiasat dan diambil tindakan seperti berikut : 1. Pada 2 Mac 2015, Penolong Pentadbir Tanah telah membuat tindakan pemantauan dan penguatkuasaan ke lokasi berkenaan dan mendapati tapak ini bukan sahaja terdapat rumah kediaman tetapi dijadikan tempat membuat bot dan terdapat bahan yang boleh mencermarkan udara dan memberi gangguan kepada jiran dalam anggaran 10 buah rumah. Terdapat pelanggaran syarat LPS Kediaman disitu dan tindakan dibawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara akan dilaksana untuk meroboh sendiri atau dirobohkan binaan tersebut. Selain itu tindakan untuk membatalkan LPS juga akan dibuat. Buat masa sekarang pihak Pentadbir Tanah telah mengunci tempat berkenaan dan dipantau secara berkala.</p> <p>- Rujukan Aduan MPSP: 15030331 Untuk makluman penambakan tanah haram tersebut melibatkan rezab sungai, maka aduan ini perlu dirujuk kepada Pentadbir Tanah Daerah SPS dan Jabatan Pengairan & Saliran SPS untuk tindakan selanjutnya. Dari segi lesen, Siasatan telah dijalankan pada 24/03/2015. Tindakan kompaun (75553) telah diberikan kepada pemilik bengkel.</p>
31-03-2015	1503-1179	MASALAH BENGKEL BOT FIBER GLASS HARAM DI KAMPUNG KUALA SUNGAI ACHEH, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	<p>- Berikutan aduan dari pihak MPSP berkenaan masalah penambakan tanah di Kuala Sungai Acheh, pemantauan telah dibuat dan telah mengenal pasti status lot dan lokasi yang dimaksudkan. Plot ini adalah plot dimana diluluskan oleh PBN hanya untuk rumah kediaman dan bayaran LPS tahun 2014 telah dibayar sebanyak RM 75.00 setahun. Kelulusan diberi kepada penama NGAN AH NOI. Penguatkuasaan dibuat pada 2.2.2015 mendapati tapak ini bukan sahaja terdapat rumah kediaman malah turut dijadikan tempat membuat bot dimana terdapat beberapa bahan untuk membuat bot yang mencemarkan udara. Aduan dari penduduk disekitar kawasan tersebut, bau gam yang digunakan untuk membuat bot terlalu kuat dan tidak menyenangkan penduduk dikawasan tersebut. Terdapat hampir 10 buah rumah sekitar kawasan ini. Hasil siasatan mendapati tapak ini berkeluasan 356.84 meter persegi dan pengusaha ini telah menggunakan lebih daripada kelulusan yang diberi untuk plot 341 ini. Individu yang menggunakan</p>

			<p>tapak ini untuk membuat bot adalah anak kepada Ngan Ah Noi iaitu Law Chew Keong. Terdapat pelanggaran syarat diatas tapak ini iaitu kelulusan rumah kediaman dijadikan tempat untuk membuat bot. Disyorkan agar tindakan dibawah Sek 425 KTN dilakukan diatas binaan ini dan dibatalkan LPS tersebut kerana telah melanggar syarat kelulusan. Buat masa kini, pihak Pentadbir tanah telah mengambil tindakan mengunci tempat tersebut sehinggalah siasatan dan keputusan dari pihak Pentadbir tanah diterima. Pemantauan akan dilakukan secara harian bagi memastikan tidak ada lagi kerja-kerja dilakukan diatas plot ini. Semua kerja-kerja dihentikan serta merta. Aduan MPSP berkenaan tambakan ini merujuk kepada surat MPSP, tambakan ini dilakukan oleh abjnak beliau kerana kawasan rumah tersebut selalu dinaiki air ketika air laut pasang, oleh yang demikian beliau menambun tanah sekitar kawasan rumah tersebut supaya tidan banjir. Salinan LPS tahun 2014 disertakan untuk semakan dan juga gambar untuk rujukan.</p>
16-01-2015	1501-2706	MASALAH PENAMBAKAN DI KUALA SUNGAI ACHEH	<p>- IAWATAN TELAH DIBUAT OLEH UNIT TEKNIKAL DAN PENGUATKUASAAN PADA 16.1.2015 BERMULA JAM 3.30 PETANG KE KAWASAN SEPERTI DIADU KE PINTU AIR JPS DAN JETI NELAYAN BERKENAAN, DAN DARI LOKASI ITU SEMUA JALAN YANG BOLEH DILALUI DALAM LINGKUNGAN 200 METER MENDAPATI TIADA KERJA PENAMBAKAN SEPERTI DIADU. LAPORAN LENGKAP SIASATAN AKAN DIKEMUKAKAN KEMUDIAN. PIHAK KAMI MENGALU-ALUKAN SEKIRANYAN PIHAK TUAN BERHASRAT UNTUK BERSAMA-SAMA KE LOKASI BERKENAAN, JUGA SEKIRANYA PIHAK TUAN MEMPUNYAI GAMBAR LOKASI, IA AMAT MEMBANTU DALAM MENGENALASPTI LOKASI DENGAN TEPAT.</p>
04-12-2014	1412-5537	Naik Taraf Jalan Tasek	<p>- Aduan telah dimajukan kepada JKR SPS untuk siasatan selanjutnya. TQ - Dimaklumkan bahawa persimpangan jalan yang berkenaan adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya. Mohon dipanjangkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk makluman dan tindakan selanjutnya.</p>
11-11-2014	1411-7634	AKTIVITI KUARI ANCAM KEHIDUPAN PENDUDUK KAMPUNG MASJID, BATU KAWAN, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS), PULAU PINANG	<p>- Pentadbiran ini mengambil maklum berhubung aduan ini.Siasatan dan lawatan ke Kampung Masjid Batu Kawan juga telah dibuat oleh Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PDTSPS. Laporan terperinci berhubung aduan ini akan dikemukakan kemudian. - Untuk makluman, susulan aduan yang diterima pihak MPSP telah menjalankan lawatan tapak ke kuari berkenaan bersama-sama pihak kuari dan operator pada 30.10.14. Siasatan lanjut di tapak mendapati tiada kesan limpahan kelodak sekitar kampung berdekatan. Mengenai masalah habuk, gegaran, rumah retak yang dibangkitkan oleh penduduk Kg Masjid ianya perlu siasatan lanjut dan perlu bukti melalui laporan pihak yang bertanggungjawab iaitu pihak JAS dan JMG. Sehubungan dengan itu, pihak MPSP telah memohon kerjasama pihak JAS dan JMG bagi laporan pematuhan syarat berkenaan. Maklumat lanjut boleh berhubung dengan pihak Pejabat Daerah dan Tanah SPS.</p>
21-10-2014	1410-6277	RUMAH TELAH DAPAT CCC ISU ADUAN NO. 1402-6948	<p>- Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan tidak mempunyai peraturan atau undang-undang untuk dikuatkuasakan di bawah CCC mengenai bangunan orang lain masuk ke sempadan tanah hakmilik orang lain seperti yang diadukan. Pentadbiran ini tidak boleh mengambil apa-</p>

			<p>apa tindakan kerana melibatkan tanah individu. Pihak Puan boleh merujuk perkara ini kepada MPSP. Sekian terima kasih.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perkara ini perlu melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan untuk tindakan selanjutnya. - Dimaklumkan bahawa aduan berkaitan anjakan binaan rumah masuk ke tapak lain adalah tidak tepat kerana pelot berkenaan mempunyai lorong belakang dan juga mematuhi garisan bangunan zon kaki didepan. Perubahan anjakan keluasan tanah hanya melibatkan 6 unit lot tepi sahaja. Lain-lain lot tidak terlibat dengan perubahan anjakan keluasan tanah. Keluasan rumah masih tidak terjejas . Pemaju telah mendapat surat persetujuan daripada 6 pembeli yang terlibat. Rujuk dengan pemaju untuk maklumat lanjut.
25-09-2014	1409-7911	Bayaran Lambat Oleh Pej Daerah	<p>- Pesanan Kerajaan (LO) BAGI PROGRAM GOTONG ROYONG DI SUNGAI UDANG TELAH DIKELUARKAN PADA 28 OGOS 2014 MANAKALA BAYARAN PROGRAM BERKENAAN TELAH SELESAI DIBAYAR PADA 12 SEPTEMBER 2014 KEPADA PEMBEKAL R.ELANGOVAN ENTERPRISE BERJUMLAH RM1410.00. SILA RUJUK AKAUN TETUAN R ELANGOVAN ENTERPRISE 08022010054194 BANK ISLAM MALAYSIA BHD CAWANGAN PARIT BUNTAR,PERAK. SEKIAN TERIMA KASIH</p>
19-09-2014	1409-5371	Bumbung Rumah Penduduk Miskin Ladang Bocor	<p>- Dimaklumkan bahawa siasatan ke atas rumah yang dimaksudkan telah dijalankan pada 22 September 2014 pada jam 10.00 pagi. Didapati daripada 5 unit rumah tersebut, hanya 2 unit yang memerlukan pembaikan segera iaitu untuk bahagian bumbung. Tindakan selanjutnya akan diambil untuk membolehkan perlaksanaannya.</p>
13-06-2014	1406-5963	MENAMBAH BAIK SISTEM TAKBIR URUS DAN PENGUATKUASAAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.	<p>- TERLEBIH DAHULU PDT SPS MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS KEPRIHATINAN PENGADU BERTHUBUNG PERKARA TERSEBUT. UNTUK MAKLUMAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN TERDAPAT 1 PENOLONG PEGAWAI DAERAH, 11 PENOLONG PEGAWAI TANAH DAN 2 PEMBANTU AWAM PENTADBIRAN DI UNIT PENGUATKUASAAN DAN TEKNIKAL. JUMLAH INI BUAT MASA INI ADALAH MEMADAI DENGAN KELUASAN DAN BEBANAN KERJA DIHADAPI SEKARANG. BAGAIMANAPUN, BERIKUTAN TREDND TERKINI YANG MENYAKSIKAN PEMBANGUNAN YANG SEMAKIN RANCAK DAN KOS SARA HIDUP TERMASUK PEMILIKAN RUMAH YANG SEMAKIN TINGGI, PELBAGAI PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN PELANGGARAN SYARAT BERLAKUI. UNTUK MAKLUMAN PUAN, SEBARANG BINAAN/ STRUKTUR YANG DIDIRIKAN DI MANA-MANA TANAH KERAJAAN ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN DIBAWAH SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA. PDT SPS SENTIASA MELAKUKAN OPERASI PENGESANAN DAN TINDAKAN MEROBOH KEPADA BINAAN/ STRUKTUR SEUMPAMA INI. DALAM MASA YANG SAMA, TUAN PUNYA TANAH PERLU MENGAMBIL TINDAKAN MENGAWAL SUPAYA TIDAK BERLAKU PENCEROBOHAN SEPERTI DI RIZAB JALAN PERSEKUTUAN, TANAH LAPANG PBT, RIZAB SUNGAI DAN TANAH PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN. SELAIN ITU, USAHA PENGUATKUASAAN JUGA BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA PELBAGAI JABATAN SEPERTI PBT (MPSP, POLIS, PBA, TNB, JKR KERANA PELBAGAI KERUMITAN DAN KEMUNGKINAN</p>

			<p>TINDAKBALAS AGRESIF. SENSITIVITI MASYARAKAT JUGA PERLU DIJAGA DIMANA PENGLIBATAN PEMIMPIN TEMPATAN SEBAGAI MEDIATOR DAN JUGA SESI DIALOG, PERBINCANGAN PERLU DIADAKAN. SEKIRANYA BINAAN ITU MERUPAKAN KEDIAMAN, EX-GRATIA DAN LOKASI KEDIAMAN BARU JUGA PERLU DIBERI PERHATIAN DALAM MENGATASINYA. DALAM ERTI KATA LAIN, PDT SPS MELAKSANA PENGUATKUASAAN BERHEMAM, CEKAP, TELUS DAN AKAUNTABILITI TANPA MENGABAIKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT. SEBAGAI LANGKAH PENYELESAIAN, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN MENSASARKAN KUOTA MINIMA PENGESANAN DAN PENGUATKUASAAN SETIAP BULAN YANG DILAPOR TERUS KE PENGURUSAN ATASAN SETIAP BULAN.</p> <p>- Aduan tidak berkaitan dengan jabatan. Dimaklumkan aduan ini diluar bidang kuasa pentadbiran ini. Sekian.</p>
01-04-2014	1404-6854	Cadangan Penyelesaian Kesesakan di Seberang Perai	<p>- Pentadbiran ini mengambil maklum cadangan dari pihak tuan. Pihak kami akan memaklumkan cadangan ini kepada JKR dan Unit Perancang Ekonomi Negeri.</p> <p>- Terima kasih diatas cadangan yang telah diutarakan oleh pihak tuan dan keprihatinan pihak tuan berhubung sistem jaringan jalanraya terutamanya di Seberang Perai. Berhubung pandangan dan cadangan ini, Pentadbiran ini akan memanjangkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan tersebut. Diharapkan semoga pandangan dan cadangan tersebut dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Seberang Perai.</p> <p>- Aduan tidak berkaitan dengan jabatan. Pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan saudara terhadap perkara ini. Perkara ini adalah dibawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), oleh yang demikian diharapkan perkara ini dapat dikemukakan kepada LLM.</p>
25-04-2014	1404-191	RUMPUT TIDAK DIPOTONG DAN LONGKANG TIDAK BERSIH.	<p>- Aduan tidak berkaitan dengan jabatan. Kawasan yang terlibat bukan di bawah bidang kuasa jabatan ini. Mohon panjangkan aduan ini kepada MPSP.</p> <p>- Rujukan aduan 14040869. Dimaklumkan bahawa siasatan dijalankan di seluruh Pusat Perniagaan Seri Aman, Sungai Bakap. Kerja-kerja pembersihan longkang dan pemetongan rumput serta tumbuhan renek telah dilakukan pada 29/04/2014 sehingga selesai.</p>
31-03-2014	1403-7041	MASAALAH LEMBU BERKELIARAN DIJALANRAYA UTAMA	<p>- Mesyuarat Cadangan Pemusatan ternakan lembu di Batu Kawan telah diadakan pada 12 Mac 2014. Mesyuarat bersetuju bahawa kesemua penternak lembu di kawasan Batu Kawan dipusatkan di atas tanah kerajaan di Valdor Sungai. Kesemua penternak boleh memohon Lesen Pendudukan Sementara dengan Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan. Berhubung isu ternakan yang berkeliaran di Batu Kawan, ianaya adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai.</p> <p>- Rujukan aduan 14031087. Dimaklumkan bahawa tindakan operasi tangkapan haiwan merayau pada 15.03.2014 telah berjaya menangkap tiga ekor lembu. Operasi akan ditingkatkan lagi di kawasan terbabit sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Mesyuarat khas bagi menyelesaikan masalah penternak lembu di Batu Kawan telah diadakan pada 13.03.2014. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan mengesa penternak memberhentikan ternakan dan mencari lokasi lain yang lebih sesuai. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Persatuan Penternak India</p>

			<p>Pulau Pinang, JKKK Batu Kawan bersama KADUN YB, MPSP, dan wakil PDC. Wakil JPV diarahkan banci senarai nama penternak terlibat di Batu Kawan untuk membincangkan dalam mesyuarat akan datang. Dimaklumkan bahawa operasi susulan telah dijalankan pada 05.04.2014 dan 06.04.2014 mendapati tiada kelihatan lembu yang berkeliaran.</p>
07-08-2013	1308-1085	CADANGAN TAKLIMAT NILAI TANAH DIPULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI KEPADA EXCO EXCO P.P	<p>- 1. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia merupakan agensi tunggal dalam menentukan nilai hartanah di Pulau Pinang. Selain itu, penilai hartanah persendirian juga boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan hartanah dengan caj tertentu. 2. Cadangan untuk memberi taklimat berkaitan nilai hartanah kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) kebiasaannya dibuat atas keperluan (on need basis) sebagai contoh untuk mendapatkan peruntukan bagi pengambilan balik tanah untuk tujuan awam. Ini bagi mendapatkan persetujuan supaya perbelanjaan yang dibuat setimpal dengan manfaat ingin diperoleh (value for money). 3. Untuk pindah milik tanah secara persendirian pula, Pentadbir Tanah akan melaksana proses pendaftaran setelah Borang 14A disempurna dan dikemukakan. Proses ini juga memerlukan hartanah tersebut dinilai untuk tujuan duti stem dan pendaftaran. Nama pembeli dan penjual, nilai hartanah dan lain-lain butiran urusan merupakan maklumat terperingkat dan hanya digunakan untuk urusan rasmi sahaja. 4. Senarai Tanah Kerajaan atau tanah milik agensi Kerajaan Negeri perlu dirujuk kepada Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian memandangkan ia maklumat sulit dan terperingkat dan kawalan diperlukan supaya maklumat pemilik terpelihara.</p>
20-07-2013	1307-2675	PENGGUNAAN KUATERS KERAJAAN.	<p>- Penyediaan kuarters Kerajaan adalah bagi menyediakan kemudahan kediaman kepada kakitangan Jabatan demi kepentingan tugas. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan menguruskan 21 unit kuarters (2 Kelas C, 2 Kelas E, 12 Kelas G, 2 Kelas H dan 3 Kelas I). 9 unit didiami (2 Kelas C, 2 Kelas E dan 5 Kelas G) manakala 12 unit selebihnya tidak dididiami. Baki unit tidak didiami disebabkan keadaan struktur yang rosak (5 unit), rekabentuk yang kurang sesuai bagi kakitangan berkeluarga (7 unit) selain faktor penawaran rumah diluar yang lebih baik. Kerosakan disebabkan anai-anai, vandalisma dan lain-lain faktor semulajadi menyebabkan keadaan kuarters semakin buruk. PDT SPS sentiasa mengambil langkah membaikpulih dan menyelenggara kuarters ini. Tawaran kepada kakitangan lain-lain Jabatan juga dibuat bagi memastikan kehilangan kutipan hasil sewaan dapat diatasi. PDT SPS juga sedang meneliti untuk menyewakan unit kuarters di Jalan Sentosa, Sg Bakap kepada pihak berminat untuk dijadikan premis perniagaan.</p>
19-04-2013	1304-9812	Khemah Parti Mengganggu Lalulintas	<p>- PDTSPS mengambil maklum binaan oleh pihak-pihak bertanding sepanjang tempoh kempen pilihanraya. Bagaimanapun sebarang binaan perlulah mendapat kebenaran bertulis pemilik tapak/bangunan tersebut. Dalam aduan ini, tapak berkenaan akan disiasat samaada tapak awam atau persendirian dan samaada kebenaran telah diperolehi. Aduan ini dipanjangkan kepada Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihanraya (PP-KPR) dan MPSP untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.</p> <p>- Dimaklumkan bahawa terdapat binaan tanpa kebenaran dan tiada permohonan pemasangan kanopi. Tindakan dibawah halangan (Seksyen 46) telah dikeluarkan.</p>

06-04-2013	1304-6508	PERMINTAAN GELANGGANG FUTSAL DI KAMPUNG KUYUNG,NIBONG TEBAL	- Kampung Kuyung tiada tapak yang sesuai untuk dibina gelanggang. Tapak yang dicadangkan sebenarnya bersebelahan dewan serbaguna JKKK Simpang Tiga. Buat masa ini, gelanggang futsal yang terdekat telah dibina di tapak PASTI Sungai Acheh melalui peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012. Harap maklum. - Permohonan tersebut diluar bidangkuasa MPSP dan pemohon boleh meminta peruntukan YB kawasan.
21-03-2013	1303-3686	Request for Repaint Parking Lot	- Untuk makluman, pihak jabatan ini dalam proses untuk memohon peruntukan dalam Bajet 2014 bagi menaik taraf tempat letak kereta di hadapan Kompleks Bangunan Kerajaan. Pihak kami memohon maaf di atas kesulitan yang dialami oleh pengadu dan orang ramai semasa meletak kenderaan di kawasan ini. Sekian, terima kasih. - Didapati lokasi aduan adalah hak milik Kerajaan Negeri. Diluar bidangkuasa MPSP.
23-01-2013	1301-1923	Alamat Cukai Tanah	- Terdapat permohonan oleh pihak peguam pemilik(Sharifah, CP Yeap & Co) melalui surat bertarikh 28/6/2012 kepada pentadbiran ini. Tindakan merekodkan alamat surat-menyurat adalah berdasarkan permohonan oleh pemilik atau wakil daripada pihak pemilik. Oleh itu, tuan dipohon untuk mengisi borang pertukaran alamat di PDTSPS untuk menukar kepada alamat baru.
14-10-2012	1210-765	Bayaran Cukai Tanah, Parit & Taliair	- Telah menjadi tanggungjawab pemilik tanah yang berdaftar untuk membayar cukai tanah sebelum 31 Mei pada setiap tahun bagi mengelakkan denda seperti yang termaktub dalam Kanun tanah Negara 1965. Sebarang perubahan atau kelonggaran tertakluk kepada kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Sekian, terima kasih. - Dimaklumkan bahawa pihak Majlis telah membuat semakan dan mendapati no. akaun tersebut adalah merujuk kepada akaun cukai tanah. Oleh yang demikian, diminta untuk tuan merujuk perkara tersebut kepada Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan di 04-5824511.
06-06-2012	1206-7116	JALAN ROSAK	- Surat makluman tentang aduan ini telah dihantar kepada MMC Gamuda (Surat seperti di lampiran)
06-06-2012	1206-3570	GERAI MENGHALANG KERJA PEMBINAAN	- Surat makluman kepada JKR SPS telah dibuat (surat seperti di lampiran)
15-06-2012	1206-1859	Masalah Penduduk Kampung Masjid, Batu Kawan Seberang Perai Selatan (SPS) P. Pinang	- Hasil siasatan adalah seperti dilampiran.
06-06-2012	1206-1302	PEMBINAAN LINTASAN/JAMBATAN MERENTASI PARIT SISIR DAN SUNGAI JAWI	- Surat maklumbalas bil (7) PTSPS/AM/095/Mk 12 bertarikh 28.5.12 telah dihantar kepada JPS SPS. (Seperti dilampirkan)
29-05-2012	1205-4197	Masalah Pencemaran Di Kampung Sungai Baong, Sungai Bakap Seberang Perai Selatan (SPS) Pulau Pinang	- Pentadbiran ini telah mengambil maklum berhubung aduan yang diterima. Siasatan lanjut akan dijalankan dan laporan serta hasil siasatan akan dimaklumkan nanti. Terima kasih. - Untuk makluman, siasatan telah dijalankan pada 30.05.2012 dilokasi aduan mendapati perusahaan HK KITARAN SDN BHD (No.Fail : 36/13109A/24573) berlesen. Semasa siasatan dijalankan mendapati perusahaan ini ada membuat pembakaran hampas kelapa sawit ditempat pembakaran yang disediakan oleh pihak perusahaan ini. Tindakan telah diambil dengan mengeluarkan notis menghendaki penghapusan kacauganggu di bawah

			seksyen 82, akta kerajaan tempatan 1976. Sila rujuk Jabatan Alam Sekitar berkaitan pencemaran habuk dan asap disekitarnya. Rujukan aduan 12050867.
06-03-2012	1203-8321	anak emas	- Jabatan ini telah menelefon pengadu dan didapati bahawa beliau menghantar borang permohonan di Pejabat YB di Taman Tempua dan bukannya melalui jabatan ini. Jabatan ini telah memohon beliau untuk menyemak status terkini permohonan beliau di pejabat YB (Adun Bukit Tambun).
24-01-2012	1201-9647	APA SUDAH JADI DENGAN SISTEM FAIL ADUAN JABATAN NEGERI PULAU PINANG	- Siasatan lanjut akan dibuat bersama pengadu untuk menentukan jumlah peruntukan dan jabatan yang akan melaksanakan projek ini. Sekian, terima kasih.
30-01-2012	1201-842	Jalan Rosak	- Pada 1/2/2012 jam 3.30 petang Pentadbiran ini telah menghubungi pengadu dan pengadu memaklumkan bahawa beliau tersilap email aduan kepada Kerajaan negeri Pulau Pinang dan sepatutnya mengemukakan aduan tersebut kepada Pejabat Daerah Bandar Baru, Serdang Kedah. Pengadu memohon maaf di atas kesilapan berkenaan. Pentadbiran ini juga turut ke lokasi yang dimaksudkan dan didapati bahawa kawasan berkenaan memang di bawah seliaan Kerajaan Negeri Kedah. Sekian, terima kasih
04-01-2012	1201-4909	Binaan Haram Atas Tapak Masjid	- Tapak masjid lama Simpang Empat adalah tanah kepunyaan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. - Pentadbiran MAINPP telah mengenalpasti orang yang bertanggungjawab membina bangunan di atas tapak lama Masjid Simpang Ampat, SPS dikenali sebagai En. Mohamad Farook b. Pakir Mohd. Beliau merupakan anak kepada pemilik asal bangunan kedai atas tapak masjid lama Simpang Ampat, SPS. En. Mohamad Farook b. Pakir telah mengemukakan permohonan untuk membina semula premis milik bapanya yang dirobuhkan sebahagian berikutan tindakan pelebaran jalan persekutuan Bukit Tambun dan pekan Simpang Ampat. Walaubagaimanapun, Mesyuarat Pentadbiran MAINPP bertarikh 12 Januari 2012 telah menolak permohonan yang dikemukakan. Pentadbiran MAINPP akan mengemukakan notis untuk tindakan selanjutnya kepada permohonan setelah keputusan penolakan permohonan berkenaan dikemukakan. Harap Maklum. Terima Kasih. Nama : Noor Diana binti Noorazis Jawatan : Penolong Pegawai Komunikasi dan Korporat
14-12-2011	1112-2160	POKOK DUSUN YANG MEMBAHAYA	- Pokok-pokok kelapa dan durian ini terletak di atas tanah individu, Pentadbiran ini akan memanjangkan perkara ini kepada MPSP untuk tindakan selanjutnya. - Jabatan ini mengambil maklum aduan ini. Siasatan terperinci akan dijalankan dan hasil siasatan akan di maklumkan kepada pihak tuan. Sekian terima kasih - Adalah dimaklumkan didapati pokok dan lokasi aduan yang dinyatakan adalah milik persendirian dan diluar bidang kuasa Majlis
04-11-2011	1111-9691	PEMBINAAN PAGAR (TEMBOK BATU) DI ATAS REZAB SIMPANAN JALAN MENGHALANG LALUAN KE TANAH LOT BELAKANG (LOT 555 MUKIM 12, SPS)	- Fail PDTSPS/AM/095 MK 12. Hasil perbincangan di PDTSPS tembok batu tersebut akan dirobuhkan secara sukarela dan tempoh yang diberikan ialah dalam masa 2 bulan. SELESAI. - Aduan berikut di masukkan oleh pihak jabatan
04-11-2011	1111-8987	TERDAPAT KILANG DI ATAS	- Fail PDTSPS/AM/095 MK 15. Hasil perbincangan yang

		SEBAHAGIAN LOT 144 (PLOT 11) MUKIM 15,SPS	<p>telah diadakan di PDTSPS stor yang terlibat akan dikurangkan ketinggiannya dan PDTSPS mendapati individu terlibat telah melaksanakan arah tersebut. Kegunaan tanah mengikut kelulusan LPS ialah stor dan kediaman . SELESAI.</p> <p>- Selesai.</p>
25-11-2011	1111-5839	Peluang Pekerjaan Sektor Swasta	<p>- Terima kasih atas makluman yang tuan berikan. Jabatan ini akan memanjangkan iklan tersebut kepada bahagian-bahagian tertentu untuk tindakan yang selanjutnya dan sewajarnya. Sekian, terima kasih.</p> <p>- AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA SEMUA PENGHULU DAERAH TIMUR LAUT</p> <p>- Pihak jabatan telah memaklumkan perkara ini kepada Bahagian Pembangunan (Penghulu) untuk dipanjangkan kepada semua JKKK. Terima kasih.</p> <p>- Sebagai makluman, Unit Penghulu di Bahagian Pembangunan PDTSPS menyambut baik hasrat mana-mana pihak termasuk permohonan dari Pejabat Tenaga Kerja Georgetown yang ingin meminta khidmat dan jasa baik daripada Penghulu bagi menyalurkan maklumat atau info berkaitan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta negeri Pulau Pinang kepada penduduk di Daerah Seberang Perai Tengah. Mekanisme yang sering digunakan adalah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) yang berada di seluruh kampung dan taman yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat disamping penggunaan Masjid, Surau, Dewan Orang Ramai dan sebagainya sebagai platform mereka membuat hebahan, Justeru, berkaitan cadangan dari Pejabat Tenaga Kerja Georgetown ini, Unit Penghulu sedang mengambil tindakan tersebut sepertimana proses yang disebutkan di atas. Sekian dimaklumkan, terima kasih.</p> <p>- Untuk makluman pihak tuan, kami telah pun memanjangkan maklumat ini kepada semua Penghulu Kawasan bagi Daerah Seberang Perai Utara untuk mewartakan peluang pekerjaan di sektor swasta. Harap maklum. Sekian, terima kasih.</p>
07-10-2011	1110-8860	dewan orangramai	<p>- Dewan dalam taman perumahan sepatutnya dibina oleh pemaju dan diserahkan kepada MPSP. Perkara ini sepatutnya dipanjangkan kepada MPSP dan pemaju taman perumahan tersebut untuk tindakan selanjutnya. Pejabat Tanah hanya memproses permohonan pecah sempadan yang mana dalam pelan tersebut ditunjukkan tapak untuk dewan.</p> <p>- Aduan no. 11100215</p>
27-09-2011	1109-6035	CUKAI TANAH LOT PT 1136 vs PT 281	<p>- Pentadbiran ini mengambil maklum aduan daripada pengadu. Aduan ini memerlukan siasatan terperinci oleh Pentadbiran ini iaitu untuk semakan ke atas rekod-rekod terdahulu bagi mengesahkan kesahihan hakmilik seperti aduan oleh pengadu kerana maklumat ini adalah Hak Milik Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Maklumbalas akan dikemukakan selepas kesemua maklumat diperolehi oleh Pentadbiran ini.</p> <p>- Untuk makluman, Bahagian Hasil PTG telah membuat semakan dan mendapati terdapat beberapa kekeliruan ke atas bil cukai tanah bagi lot-lot tersebut. Oleh yang demikian, proses penyelesaian aduan ini akan mengambil sedikit masa. Bahagian ini akan menghubungi pengadu untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk mengambil tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.</p>

30-09-2011	1109-5330	RESPON DARI ADUAN PINTAS PRO MINI TAR PAK PANDIR	- Pentadbiran ini telah mengambilmaklum akan aduan yang dikemukakan semula oleh pengadu dan memutuskan untuk mengekalkan maklumbalas yang telah diberikan oleh Pentadbiran ini pada 27/09/2011 sebagai jawapan yang muktamad.
25-09-2011	1109-5066	Projek Mini Tar Pak Pandir Di Kampung Titi Hitam	- Maklumbalas seperti di lampirkan. Terima kasih.
25-09-2011	1109-1210	TANAH MK12 GM 349 LOT 134 (070312GM00000349)	- Oleh kerana tanah ini adalah merupakan tanah persendirian maka masalah ini perlu dirujuk kepada pihak MPSP. - Aduan no. 11100146
05-08-2011	1108-9473	KES 82624: TIADA TINDAKAN BERKENAAN NYAMUK TERLAMPAU BANYAK	-
04-08-2011	1108-8460	Dewan Penduduk Taman Nilam Tanjung	- 5/8/2011-Jabatan mengambil maklum tentang aduan ini. Maklumat akan dikemaskini setelah mendapat laporan lengkap dari Bahagian Pembangunan. 10/8/2011-Bersama-sama ini disertakan hasil siasatan dari Jabatan ini. Lawatan/siasatan telah dijalankan bersama Setiausaha JKKK Batu Kawan pada 5 Ogos 2011 jam 10.00 pagi. Semenjak penubuhan KRT seawal tahun 2010, pihak KRT telah memohon kepada MPSP untuk mengurus dan menjalankan aktiviti di dewan tersebut tetapi masih belum menerima maklum balas sehingga sekarang; dan Sehingga sekarang tiada pihak yang menguruskan dewan tersebut. Dicadangkan aduan ini dipanjangkan kepada pihak MPSP untuk tindakan selanjutnya. - Mohon Penghulu Kawasan Batu Kawan untuk menyiasat perkara ini. - Untuk makluman, dewan ini adalah milik MPSP dan di dalam proses tindakan pembaikan sebelum penyewaan diberi kepada mana-mana persatuan.
18-08-2011	1108-8305	PAYMENT FOR CUKAI TANAH UNDER WRONG LOT NUMBER	- Pihak jabatan ini sedang menyiasat aduan yang telah dikemukakan. Hasil siasatan akan dimaklumkan segera.
28-07-2011	1107-6130	Projek Ternakan Udang Jejas Sistem Saliran Dan Alam Sekitar Di Kampung Singai Chennam Seberang Perai Selatan (SPS)	- Berdasarkan siasatan yang telah dilakukan oleh JPS SPS dan maklumbalas adalah seperti yang dijelaskan oleh JPS SPS. Jabatan telah menjalankan kerja-kerja pengorekan bagi mengatasi masalah yang berlaku. - Pohon Jurutera Daerah siasat dan beri maklumbalas dengan segera - Pihak jabatan sedang merangka satu mesyuarat bersama-sama agensi berkaitan permasalahan ini. Agensi-agensi terlibat antaranya, Jabatan Perikanan, MPSP, CAP, Jabatan Alam Sekitar, JKKK dan penternak udang. Hasil mesyuarat akan dimaklumkan kepada pengadu. - PT(A): Please follow up with Fisheries Department. TQ.
06-07-2011	1107-3385	Lori Tayar Enam Melalui Jalan Mini Tar Kampung	- Pentadbiran ini mengambil maklum berkaitan perkara ini dan penyelarasan sedang dijalankan bersama JPS dan agensi berkaitan bagi membendung masalah ini daripada berulang. Lawatan/siasatan telah dijalankan oleh jabatan ini bersama Pengerusi JKKK Jalan Stesen pada 11 Julai 2011 jam 11.00 pagi. Didapati bahawa lori yang melalui jalan tersebut adalah untuk kerja-kerja menambak ban dan parit JPS Kampung Titi Hitam di bawah senggaraan dan seliaan pihak JPS. Jabatan ini juga telah mencadangkan kerja-kerja senggaraan jalan yang rosak di Kampung Titi Hitam pada

			19 Mei 2011 melalui Projek Infrastruktur Kecil dan Projek Kecemasan Di Daerah 2011. -
20-07-2011	1107-2588	MENURAP TAR MK12 KG PULAU SG BAKAP SPS (SEPARUH JALAN)	- Sebelum ini PDT SPS telah mendapat permohonan daripada YB ADUN Jawi untuk menurap sebahagian jalan yang dimaksudkan. Berdasarkan peruntukan yang diperolehi, PDT SPS hanya mampu menurap 45 meter sahaja daripada keseluruhan jalan yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, PDT SPS telah mengadakan perbincangan dengan JKKK sebagai wakil kawasan untuk mengesahkan lokasi yang dirasakan perlu diutamakan untuk diturap. Bagi pembaikan untuk baki jalan yang dimaksudkan oleh pengadu, pihak PDT SPS hanya boleh melaksanakan kerja-kerja tersebut jika mendapat peruntukan untuknya
30-05-2011	1105-7701	Kesesakan Jalan Sempadan	- Perkara ini di dalam makluman MPSP. MPSP memaklumkan telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Kerian (MDK) pada hujung 2010 atau awal 2011. MDK telah bersetuju untuk menempatkan peniaga Pasar Kemboja tersebut ke satu lokasi yang telah ditentukan. Walau bagaimanapun, tarikh dan tempat pemindahan tidak dapat dipastikan berikutan Pegawai Meja MPSP tersebut tidak dapat dihubungi. Pegawai tersebut ialah Nama Pegawai : En. Syed Abdul Rahman No. Telefon : 04-549 7683 (Pembangunan) - Perkara ini di dalam makluman MPSP. MPSP memaklumkan telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Kerian (MDK) pada hujung 2010 atau awal 2011. MDK telah bersetuju untuk menempatkan peniaga Pasar Kemboja tersebut ke satu lokasi yang telah ditentukan. Walau bagaimanapun, tarikh dan tempat pemindahan tidak dapat dipastikan berikutan Pegawai Meja MPSP tersebut tidak dapat dihubungi. Pegawai tersebut ialah Nama Pegawai : En. Syed Abdul Rahman No. Telefon : 04-549 7683
12-04-2011	1104-2166	Kerja Tanah atas lot 1097 Mk. 15, SPS	- Berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh anggota Bahagian Tanah ke tapak berkenaan, aduan tembok tepi jalan dan longkang rosak di Taman Pekatra adalah akibat kerja tanah yang dilakukan di atas lot 7543 mk 15 oleh tuan tanah Green Exclusive Sdn Bhd untuk tujuan perumahan. Tanah berkenaan adalah berstatus First Grade. Pemaju menggunakan jalan Pekatra Indah untuk kegunaan keluar masuk lori tanah lalu merosakkan tembok tepi jalan serta pagar longkang. Jalan Pekatra Indah diselenggara oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Adalah disyorkan agar aduan ini dikemukakan kepada MPSP kerana jalan berkenaan diselenggara oleh agensi berkenaan. - Aduan tuan telah diterima pihak MPSP. Tindakan sedang dijalankan untuk mengenalpasti punca masalah. Status aduan akan diberitahu selepas ini
01-02-2011	1102-4569	bunyi bising dari kilang MALPOM di Cangkat Nibong Tebal	- Pentadbiran ini mengambil maklum tentang aduan ini dan perkara ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk tindakan selanjutnya. - Aduan tuan telah diterima pihak MPSP. Tindakan sedang dijalankan untuk mengenalpasti punca masalah. Status aduan akan diberitahu selepas ini. - Sasatan awal telah dijalankan pada 2 Februari 2011 melalui pemantauan CCTV secara on-line. Pelepasan asap didapati terkawal seperti syarat yang ditetapkan. Seterusnya, siasatan di tapak pada 8 Februari 2011 mendapati kedudukan rumah kampung dengan kilang

			dianggarkan lebih kurang 250meter. Tiada bunyi ketara dikesan dari kilang ketika siasatan dibuat. Juga rumah penduduk berdekatan dengan rel keretapi. Pemerhatian asap hitam juga mendapati pelepasan terkawal dan mematuhi syarat yang ditetapkan. Sekian terima kasih. 2
27-02-2011	1102-3453	memohon sumbangan untuk memperbaiki rumah	<p>- Terima kasih di atas pertanyaan puan. Berhubung aduan kerosakan rumah akibat serangan anai-anai dan kebocoran akibat kereputan, pihak JKM akan membantu puan mendapatkan bantuan memperbaiki rumah dari mana-mana agensi-agensi berkaitan. Untuk makluman, Kerajaan Negeri P.Pinang mempunyai peruntukan serta telah menyalurkan bantuan memperbaiki rumah bagi ketua isi rumah (KIR) yang tersenarai dalam golongan miskin. Permohonan berkaitan boleh dimajukan kepada Pejabat Daerah SPS atau kepada MPSP untuk bantuan memperbaiki rumah. 2. Seterusnya mengenai anak puan yang difahamkan seorang OKU, pihak JKM akan mendaftar beliau sebagai OKU mengikut kategori kecacatan yang dialaminya dan akan menyalurkan bantuan/perkhidmatan yang bersesuaian untuk membantunya. Pegawai JKM dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah SPS akan menemui puan untuk menjelaskan dan membantu menangani masalah yang dihadapi oleh puan. Sekian dimaklumkan, terima kasih.</p> <p>- Mohon kerjasama penghulu untuk semakan aduan ini.</p>
24-01-2011	1101-9923	PENIAGA HARAM	<p>- Lawat siasat pada 25 Januari 2011 mendapati kawasan tersebut sememangnya wujud perniagaan tetapi hanya pada waktu tertentu sahaja iaitu sewaktu pelajar sekolah pulang pada jam 1.00 petang. Hanya peniaga-peniaga kecil sahaja yang berniaga di kawasan berkenaan. Peniaga-peniaga tersebut menggunakan kenderaan (pick-up) untuk berniaga. Tiada binaan kekal gerai dibuat. Perkara ini berkaitan dengan MPSP memandangkan lesen kepada peniaga dikeluarkan oleh MPSP. Sekian- Bahagian Tanah.</p> <p>- Lawat siasat pada 25 Januari 2011 mendapati kawasan tersebut sememangnya wujud perniagaan tetapi hanya pada waktu tertentu sahaja iaitu sewaktu pelajar sekolah pulang pada jam 1.00 petang. Hanya peniaga-peniaga kecil sahaja yang berniaga di kawasan berkenaan. Peniaga-peniaga tersebut menggunakan kenderaan (pick-up) untuk berniaga. Tiada binaan kekal gerai dibuat. Perkara ini berkaitan dengan MPSP memandangkan lesen kepada peniaga dikeluarkan oleh MPSP. Sekian- Bahagian Tanah.</p> <p>- Aduan tuan telah diterima pihak MPSP. Tindakan sedang dijalankan untuk mengenalpasti punca masalah. Status aduan akan diberitahu selepas ini. Untuk makluman, Siasatan telah dijalankan pada 28.01.2011 di hadapan Sekolah Kebangsaan Batu Kawan. Tindakan notis dan kompaun(55270) telah dikeluarkan kepada penjaja tersebut</p> <p>- Maklumbalas daripada PDT SPS:Lawat siasat pada 25 Januari 2011 mendapati kawasan tersebut sememangnya wujud perniagaan tetapi hanya pada waktu tertentu sahaja iaitu sewaktu pelajar sekolah pulang pada jam 1.00 petang. Hanya peniaga-peniaga kecil sahaja yang berniaga di kawasan berkenaan. Peniaga-peniaga tersebut menggunakan kenderaan (pick-up) untuk berniaga. Tiada binaan kekal gerai dibuat. Perkara ini berkaitan dengan MPSP memandangkan lesen kepada peniaga dikeluarkan oleh MPSP.Pohon pihak tuan melihat kembali aduan ini. Terima kasih.</p>
26-11-2010	1011-2786	Tuntutan Wang Ihsan Kematian	- Pentadbiran telah menghubungi pengadu tersebut untuk maklumat lanjut. Pengadu membangkitkan mengenai bantuan kematian kerajaan negeri RM1000.00 yang akan

			<p>diterima bapa mertuanya (Ishak Bin Ramli). Waris yang dinamakan dalam Sistem ISejahtera ialah anak (Musa Bin Ishak). Pengadu membangkitkan kenapa bantuan berkenaan tidak diberikan terus kepada isteri yang masih hidup. Untuk makluman, maklumat-maklumat seperti waris dalam Sistem ISejahtera adalah berdasarkan Borang Pendaftaran Program Penghargaan Warga Emas yang didaftarkan di Pejabat Daerah atau Pejabat Y.B ADUN. Hanya waris yang dinamakan dan didaftarkan dalam sistem yang boleh menerima bantuan kewangan waris warga emas yang meninggal dunia (RM1000.00). Penukaran nama waris perlu mendapat persetujuan dan tandatangan penama waris lama dan baru sebelum ditukarkan dalam sistem. SEKIAN.</p> <p>- Dimaklumkan bahawa jawapan bertulis telah disampaikan kepada pengadu melalui alamat e-mail yang diberikan tetapi mail tersebut tidak dapat disampaikan mungkin kerana alamat yang tidak tepat. Aduan tersebut adalah melibatkan bayaran wang ehsan kematian oleh Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1000 kepada waris si mati. Si mati, Ishak bin Ramli adalah bapa mertua pengadu yang tinggal di Sungai bakap, Daerah SPS. Waris si mati yang didaftarkan dalam sistem warga emas ialah Musa bin Ishak, iaitu anak kepada si mati dan juga adik ipar kepada pengadu (pengadu berkahwin dengan abang kepada Musa bin Ishak). Dipohon supaya aduan ini diajukan ke PDTSPS untuk tindakan susulan. Terima kasih.</p>
08-10-2010	1010-4117	Jalan Berlubang bahaya dan kemalangan motorsikal	<p>- Adalah dimaklumkan hasil siasatan yang dilakukan oleh Juruteknik kawasan mendapati jalan tersebut dibawah tanggungjawab Pentadbiran ini. Anggaran bagi penyelenggaraan jalan tersebut sebanyak RM 3,000.00. Peruntukan bagi penyelenggaraan jalan akan dipanjangkan kepada ADUN Kawasan Bukit Tambun bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.</p> <p>- Dimakluman siasatan telah dijalankan di jalan masuk Taman Simpang Ampat dan Jalan Tasek (berhadapan Tokong India) adalah dibawah bidanguasa Pejabat Daerah SPS.</p>
28-09-2010	1009-8603	Not updated data -PDTSPS - Appointment to the Village Development and Security Committee (JKKK)	<p>- Adalah dimaklumkan bahawa maklumat pertambahan JKKK bagi daerah SPS telah siap dikemaskini pada 28 September 2010. Untuk makluman puan, pertambahan JKKK ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2010 hingga 31 Disember 2010. Aduan daripada penama yang menyatakan informasi untuk pelantikan JKKK sejak 2007 adalah tidak berasas dan tidak benar. Ini adalah berdasarkan kepada semakan yang telah dilakukan, bahawa tarikh akhir pengemaskinian maklumat JKKK tersebut adalah pada 8 Oktober 2009. Bersama-sama ini disertakan bukti pengemaskinian maklumat tersebut.</p>
21-07-2010	1007-6060	sikap perternak babi yang tidak beretika	<p>- Aduan tuan telah diterima pihak MPSP. Tindakan sedang dijalankan untuk mengenalpasti punca masalah. Status aduan akan diberitahu selepas ini</p> <p>- Pentadbiran ini telah menerima aduan secara bertulis daripada pengadu (Basir B. Hashim) pada 20 Julai 2010. Pentadbiran ini akan mengemukakan laporan siasatan kepada PINTAS pada kadar segera. (Pentadbiran Tanah)</p> <p>- Adalah dimaklumkan, penternak babi di alamat Kg. Baru Titi Hitam, Sg. Bakap, SPS telah membaiki dinding yang reput dan membersihkan semak samun.</p>

04-05-2010	1005-5694	Delay in approving of plastic chairs, tables, crusher run gavel etc	<p>- Jabatan ini mengambil maklum akan isu yang ditimbulkan dan timbul salah faham di sini yang perlu diperjelaskan sewajarnya. Semua Pejabat Daerah di seluruh Pulau Pinang telah diarahkan untuk membuat proses sebut harga tahunan bagi dua jenis / kategori bekalan iaitu bahan binaan dan kelengkapan perabot serta khemah yang mempunyai spesifikasi tertentu. Untuk makluman, proses sebut harga tahunan adalah merupakan satu proses yang mengambil masa dan tidak dapat diselesaikan dalam masa sehari dua. Ini kerana ia melibatkan proses dari peringkat penyediaan spesifikasi, pengiklanan sebut harga melalui sistem ePerolehan, pembukaan sebut harga, Mesyuarat Lembaga Sebut Harga dan seterusnya proses pemilihan. Proses ini bermula dari awal bulan Februari 2010 iaitu sebaik sahaja menerima arahan dari Jabatan Kewangan Negeri serta mempunyai prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi sewajarnya bagi menjamin ketelusan. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan yang telah disebutkan di dalam aduan terbabit, kesemuanya telah diluluskan dan surat makluman kelulusan terbabit telah pun dihantar ke YB. Kawasan terlibat sebagai makluman dan di dalam surat terbabit juga telah dinyatakan bahawa pelaksanaan bekalan terbabit hanya akan dilaksanakan setelah proses sebut harga selesai dan pembekal yang berjaya dalam proses sebut harga terbabit diketahui yangmana ia dijangka dilaksanakan pada hujung bulan April 2010. YB. Kawasan serta pembantu khas beliau juga telah dimaklumkan akan perkara ini terlebih dahulu secara lisan bagi mengelakkan salah faham. Untuk makluman, peruntukan bagi setiap KADUN yang diterima dari Kerajaan Negeri adalah pada pertengahan bulan Februari 2010, oleh yang demikian sebarang permohonan yang diterima dari pejabat YB. ADUN adalah dilaksanakan setelah peruntukan mula diterima oleh Pentadbiran ini dan tidak boleh dilaksanakan terlebih dahulu sebelum peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, tidak timbul soal permohonan tidak diproses selama lebih dari 4 bulan kerana semuanya adalah mengikut prosedur sewajarnya. Sebut harga tahunan juga hanya merangkumi bekalan mengikut spesifikasi yang dinyatakan sahaja manakala bagi bekalan lain adalah dilakukan mengikut proses biasa. Semakan yang dibuat oleh pentadbiran ini juga mendapati, di bawah KADUN Bukit Tambun, hanya 2 permohonan sahaja diterima bagi taski yang dinyatakan melalui aduan terbabit. Semakan juga mendapati permohonan bagi bekalan kerusi dan meja di taski Al-Ayubi, Taman Murai telah diterima oleh Pentadbiran ini pada 9 Februari 2010 iaitu sebelum peruntukan kewangan diterima dari Kerajaan Negeri dan telah siap diserahkan pada awal bulan April 2010 serta telah dibuat pembayaran manakala bagi bekalan set permainan luar kanak-kanak bagi Taski Murai Jaya, Taman Murai Jaya, permohonan diterima oleh pentadbiran ini pada tempoh yang sama, telah dibekalkan dan sedang dalam proses bayaran. Oleh yang demikian, adalah dimaklumkan bahawa setiap permohonan telah diproses sewajarnya mengikut prosedur yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dan Pentadbiran ini tidak pernah melewati-lewatkan sebarang permohonan yang diterima dari pihak YB dan semua permohonan terbabit perlulah mengikut garis panduan yang telah dibekalkan iaitu sepertimana arahan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010. (Pembangunan)</p> <p>- Jabatan ini mengambil maklum akan isu yang ditimbulkan dan timbul salah faham di sini yang perlu diperjelaskan</p>
------------	-----------	---	---

			<p>sewajarnya. Semua Pejabat Daerah di seluruh Pulau Pinang telah diarahkan untuk membuat proses sebut harga tahunan bagi dua jenis / kategori bekalan iaitu bahan binaan dan kelengkapan perabot serta khemah yang mempunyai spesifikasi tertentu. Untuk makluman, proses sebut harga tahunan adalah merupakan satu proses yang mengambil masa dan tidak dapat diselesaikan dalam masa sehari dua. Ini kerana ia melibatkan proses dari peringkat penyediaan spesifikasi, pengiklanan sebut harga melalui sistem ePerolehan, pembukaan sebut harga, Mesyuarat Lembaga Sebut Harga dan seterusnya proses pemilihan. Proses ini bermula dari awal bulan Februari 2010 iaitu sebaik sahaja menerima arahan dari Jabatan Kewangan Negeri serta mempunyai prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi sewajarnya bagi menjamin ketelusan. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan yang telah disebutkan di dalam aduan terbabit, kesemuanya telah diluluskan dan surat makluman kelulusan terbabit telah pun dihantar ke YB. Kawasan terlibat sebagai makluman dan di dalam surat terbabit juga telah dinyatakan bahawa pelaksanaan bekalan terbabit hanya akan dilaksanakan setelah proses sebut harga selesai dan pembekal yang berjaya dalam proses sebut harga terbabit diketahui yangmana ia dijangka dilaksanakan pada hujung bulan April 2010. YB. Kawasan serta pembantu khas beliau juga telah dimaklumkan akan perkara ini terlebih dahulu secara lisan bagi mengelakkan salah faham. Untuk makluman, peruntukan bagi setiap KADUN yang diterima dari Kerajaan Negeri adalah pada pertengahan bulan Februari 2010, oleh yang demikian sebarang permohonan yang diterima dari pejabat YB. ADUN adalah dilaksanakan setelah peruntukan mula diterima oleh Pentadbiran ini dan tidak boleh dilaksanakan terlebih dahulu sebelum peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, tidak timbul soal permohonan tidak diproses selama lebih dari 4 bulan kerana semuanya adalah mengikut prosedur sewajarnya. Sebut harga tahunan juga hanya merangkumi bekalan mengikut spesifikasi yang dinyatakan sahaja manakala bagi bekalan lain adalah dilakukan mengikut proses biasa. Semakan yang dibuat oleh pentadbiran ini juga mendapati, di bawah KADUN Bukit Tambun, hanya 2 permohonan sahaja diterima bagi taski yang dinyatakan melalui aduan terbabit. Semakan juga mendapati permohonan bagi bekalan kerusi dan meja di taski Al-Ayubi, Taman Murai telah diterima oleh Pentadbiran ini pada 9 Februari 2010 iaitu sebelum peruntukan kewangan diterima dari Kerajaan Negeri dan telah siap diserahkan pada awal bulan April 2010 serta telah dibuat pembayaran manakala bagi bekalan set permainan luar kanak-kanak bagi Taski Murai Jaya, Taman Murai Jaya, permohonan diterima oleh pentadbiran ini pada tempoh yang sama, telah dibekalkan dan sedang dalam proses bayaran. Oleh yang demikian, adalah dimaklumkan bahawa setiap permohonan telah diproses sewajarnya mengikut prosedur yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dan Pentadbiran ini tidak pernah melewati-lewatkan sebarang permohonan yang diterima dari pihak YB dan semua permohonan terbabit perlulah mengikut garis panduan yang telah dibekalkan iaitu sepertimana arahan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010. (Pembangunan)</p>
07-04-2010	1004-9026	MEMOHON JEJANTAS BAGI MOTOSIKAL/BASIKAL	-

21-04-2010	1004-813	PENCEROBOHAN HARAM TANAH KERAJAAN DAN PENGANGKUTAN LORI.	<p>- Lawat Siasat pada 22 April 2010 jam 2.30 petang dipapati bahawa Syarikat Rezeki Ikhlas telah menyimpan 'Stock pile' tar kitar semula di atas lot 2719, MK 14. Lot tersebut adalah milik persendirian dan tidak melanggar syarat kegunaan tanah (First Grade). Bahan buangan tersebut memasuki sebahagian kecil rizab jalan dan pihak kontraktor telah diarah memindahkan bahan buangan tersebut dari rizab jalan. Pihak kontraktor telah memindahkan bahan buangan tersebut dari rizab jalan. Pemantauan berterusan akan terus dilakukan oleh Pentadbiran ini.</p> <p>-</p> <p>-</p>
07-04-2010	1004-8031	JEJANTAS BAGI PEJALAN KAKI DAN BASIKAL DI ATAS LALUAN KERETA API BERKEMBAR	<p>-</p> <p>-</p>
07-04-2010	1004-4634	memohon lampu jalan di sepanjang jalan kampung	<p>-</p> <p>-</p>
07-03-2010	1003-9766	PENGHANTAR NOTIS PEJABAT TANAH SPS DAN JURUNILAI BERPAKAT JADI ORANG BUAT NILAIAN	<p>- Dimaklumkan bahawa urusan pengambilan tanah untuk Projek Landasan Keretapi Berkembar bagi daerah SPS adalah diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang di mana lot-lot yang terlibat adalah di bawah kawalan JKPTG. Notis pengambilan balik tanah kepada tuan tanah yang terlibat diuruskan oleh Penghantar Notis JKPTG. Sehubungan itu tuan-tuan tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk projek ini bolehlah melantik Jurunilai Swasta untuk membantu memberikan nilai tanah mengikut harga semasa dan bayaran perlantikan penilai swasta tersebut akan dibayar oleh pihak JKPTG(Bayaran Iktisas)bersama dengan nilai pampasan tanah. Oleh itu tuduhan bayaran bertindih oleh Jurunilai Swasta kepada tuan tanah terbabit tidak timbul. Sehubungan itu sekiranya pengadu dapat mengemukakan nama Jurunilai Swasta yang dimaksudkan kepada pihak JKPTG untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.</p> <p>- Dimaklumkan bahawa urusan pengambilan tanah untuk Projek Landasan Keretapi Berkembar bagi daerah SPS adalah diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang di mana lot-lot yang terlibat adalah di bawah kawalan JKPTG. Notis pengambilan balik tanah kepada tuan tanah yang terlibat diuruskan oleh Penghantar Notis JKPTG. Sehubungan itu tuan-tuan tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk projek ini bolehlah melantik Jurunilai Swasta untuk membantu memberikan nilai tanah mengikut harga semasa dan bayaran perlantikan penilai swasta tersebut akan dibayar oleh pihak JKPTG(Bayaran Iktisas)bersama dengan nilai pampasan tanah. Oleh itu tuduhan bayaran bertindih oleh Jurunilai Swasta kepada tuan tanah terbabit tidak timbul. Sehubungan itu sekiranya pengadu dapat mengemukakan nama Jurunilai Swasta yang dimaksudkan kepada pihak Pentadbiran ini ianya akan dipanjangkan kepada pihak JKPTG untuk perhatian dan tindakan selanjutnya</p>
18-03-2010	1003-1062	Gerai makan & minum bersebelahan lot 2611, mukim 9, sps	<p>- Untuk makluman, Pentadbiran ini telah membuat pemantauan dan mendapati gerai tersebut berada di atas tanah persendirian. Oleh yang demikian, perkara ini di luar bidang kuasa Pejabat Daerah dan Tanah SPS. Walaubagaimanapun, pentadbiran ini telah menasihati pengusaha tersebut supaya beroperasi di tempat yang lebih sesuai bagi mengelakkan sebarang tindakan</p>

			penguatkuasaan oleh mana-mana pihak di masa hadapan.
			<ul style="list-style-type: none"> - terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Pejabat ini amat mengalu-alukan sebarang cadangan kearah penambahbaikan sistem penyampaian kepada pelanggan. Pejabat ini juga senantiasa melihat kaedah-kaedah baru yang boleh dilaksanakan bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan. - Piagam Pelanggan bagi pendaftaran hakmilik baru oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut telah menetapkan tempoh 20 hari bekerja merangkumi beberapa prosedur kerja bagi urusan tersebut. Pihak pentadbiran ini mengucapkan ribuan terima kasih terhadap pandangan dan cadangan pihak tuan. Sekian terima kasih. - Sila beri maklumbalas. Sekian terima kasih. - - Sila beri maklumbalas dengan kadar segera. - Untuk makluman pihak tuan, permohonan diproses di dalam tempoh 3 bulan selepas diterima daripada pemohon. Selepas kelulusan EXCO pemohon diberi tempoh tiga bulan untuk menjelaskan bayaran pendaftaran, bayaran hak milik sementara, bayaran hak milik tetap dan bayaran pelan. Bagi penyediaan hak milik sementara dibuat selepas pentadbiran ini menerima QT pelan daripada juru ukur berlesen.
29-12-2009	0912-936	Tempoh masa bagi pendaftaran hakmilik baru	
			<ul style="list-style-type: none"> - Aspek pembangunan fizikal bagi sesebuah lokasi perlu dipertimbangkan dari pelbagai segi antaranya faktor lokasi, infrastruktur, kepadatan penduduk, potensi komersil seperti pusat membeli belah sepertimana di Daerah SPT perlu dikaji terlebih dahulu. Untuk makluman pihak puan, kewujudan hypermarket besar sepertimana yang disebutkan adalah bukan di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah SPS. Ini kerana ia adalah berdasarkan kepada pelabur yang berminat terhadap sesuatu kawasan dan melihat kawasan tersebut berpotensi untuk dimajukan sepertimana Daerah SPT yang mempunyai banyak perbezaan dengan SPS sementelah kedudukannya yang strategik dan mampu menarik pelabur yang ramai. Pejabat Daerah SPS hanya membuat perancangan dari segi pembangunan fizikal dan sosial mengikut bajet yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan setiap perancangan perlu melihat kepada implikasi pada masa hadapan dan pulangan kepada kewangan yang dilaburkan. Namun, untuk makluman pihak puan, dalam jangka masa terdekat, Pentadbiran ini difahamkan sebuah pasar raya Econsave akan dibina bersebelahan Taman Jawi Jaya dan ia tidak melibatkan seliaan dan pemantauan Pentadbiran ini. Pada masa akan datang juga dijangka lebih banyak taman-taman perumahan akan muncul dan mendorong kepada faktor pertambahan penduduk dan keperluan semasa yang seterusnya akan mendorong kepada perancangan oleh pihak pelabur-pelabur untuk mendirikan pusat-pusat komersil sepertimana yang dimaksudkan namun, sehingga itu, ia dijangka akan mengambil masa. Kajian semasa juga sentiasa dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi meneliti pelan pembangunan yang dirancangan bersama semua agensi terlibat demi memastikan Daerah SPS dapat dimajukan sepertimana daerah-daerah lain.
02-11-2009	0911-5835	Pemajuan Nibong Tebal	
			<ul style="list-style-type: none"> - Untuk makluman tuan, maklumat yang dipohon merupakan maklumat sulit yang hanya boleh didedahkan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk tujuan rasmi sahaja. Oleh yang demikian pejabat ini memohon maaf kerana tidak dapat memberikan maklumat tersebut.
30-08-2009	0908-7967	Tanah Terbiar Milik Kerajaan Pulau Pinang	

			<p>Walaupun bagaimanapun pejabat ini boleh membuat pengesahan mengenai status hak milik sesuatu tanah sekiranya menerima permohonan daripada mana-mana pihak dengan bayaran permohonan sebanyak RM50.00 bagi satu lot tanah seperti yang ditetapkan didalam Peraturan Tanah Negeri Pulau Pinang. Sekian dimaklumkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Maklumat adalah sulit dan tidak boleh didedahkan dengan sewenang-wenangnya. - Dimaklumkan bahawa, maklumat yang dipohon adalah merupakan maklumat sulit yang mana tidak boleh didedahkan dengan sewenang-wenangnya. Pihak pentadbiran ini memohon maaf di atas kesulitan tersebut. Sekian, terima kasih. - Setelah semakan dibuat dengan Bahagian Tanah, adalah didapati bahawa maklumat yang diminta oleh pengadu tidak dapat diberikan oleh pentadbiran ini memandangkan ia adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada umum. - Sila beri maklumbalas dengan kadar segera. - Untuk makluman pihak tuan, di Daerah Seberang Perai Utara terdapat 3 lot tanah milik kerajaan yang tiada pembangunan tanah dibuat iaitu :- 1) T.K Bersebelahan HSD 3472-PT 183 Sek.3 Butterworth 2) T.K Bersebelahan Lot 5861 Sek.3 Butterworth 3) T.K Bersempadan Lot 2215 Mukim 01, Seberang Perai Utara Sekian, terima kasih.
03-08-2009	0908-7546	Banjir & Titi Perlu Dibaiki	<ul style="list-style-type: none"> - - Puan, Pohon untuk dapatkan maklumbalas berkaitan perkara ini sepertimana arahan Pegawai Daerah pada 3.8.09 jam 4.35 petang. - Lokasi aduan tidak jelas untuk diambil tindakan. Untuk makluman, parit tanah di tepi jalan negeri adalah dibawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya.
27-08-2009	0908-1550	Pokok Kelapa Condong Tepi Jalan - BAHAYA	<ul style="list-style-type: none"> - Dimaklumkan bahawa aduan ini adalah diluar bidangkuasa JKRS dan JKRS telah memajukan aduan ini kepada Pejabat Daerah & Tanah SPS untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih. - Siasatan lebih lanjut sedang dijalankan terhadap perkara ini. Jabatan ini akan memohon peruntukan dari pihak yang berkenaan setelah siasatan selesai dijalankan. - Lawatan tapak pada 3-9-2009 mendapati kira-kira 20 batang pokok kelapa yang tinggi dan condong ke jalan dan membahayakan pengguna jalan raya tersebut (Jalan Tesek Dan Jalan Tesek Seberang). Pokok-pokok tersebut terdapat berada dilot-lot tanah bersempadan dengan jalan raya. Perkara ini sepatutnya dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) disebabkan oleh aspek keselamatan jalanraya dan juga melibatkan pampasan.
16-04-2009	0904-5735	Taman Widuri - Jawi - Penang	<ul style="list-style-type: none"> - Puan, pohon kemukakan maklumbalas dengan kadar segera. - Untuk makluman, kerja-kerja pembersihan longkang di Taman Widuri, Jawi, SPS sedang dilaksanakan kerana taman ini baru diserahkan daripada Syarikat Suruhanjaya Perumahan Negara kepada MPSP (awal bulan Mei 2009). Kutipan sampah telah dijalankan mengikut jadual selang sehari.
19-04-2009	0904-3342	Kutipan Cukai tanah tertunggak 2008	<ul style="list-style-type: none"> - Dalam tindakan. - Tuan/puan, Pohon kemukakan maklumbalas dengan kadar segera. - Dimaklumkan bahawa bagi Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara, jumlah tunggakan sebenar bagi tahun berakhir 2008 adalah sebanyak RM14,160,202.55.

			<p>Pentadbiran ini dalam usaha mempertingkatkan tunggakan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah yang telah dirancang iaitu; i. Pengeluaran Notis Pentadbiran kepada pemilik yang tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah. ii. Pengeluaran Notis 6A bagi tunggakan yang melebihi 5 tahun dan 5,000 ke atas. iii. Tindakan perampasan dibawah Seksyen 100, Kanun Tanah Negara 1965. Bermula tahun 2008 sehingga 21 April 2009, sebanyak RM 2,395,756.89 jumlah tunggakan cukai tanah berjaya dikutip. Sekian, dimaklumkan.</p>
--	--	--	--